SAMPEL PERCUMA

Kupasan Mutu Jawapan SPM 2025 Matematik Tambahan (3472/2)

Set penuh: Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 9 fail PDF
- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2

RM34.90

BELI SET PENUH RM34.90 >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2025



MATEMATIK TAMBAHAN
Kertas 2
3472/2

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran:	3472/2
Bentuk Ujian:	Ujian Subjektif
Markah Penuh:	100 markah
Masa:	2 jam 30 minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas ini mengandungi 3 bahagian iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

Bahagian A:	Mengandungi **7** soalan. Semua soalan wajib dijawab. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **50 markah**.
Bahagian B:	Mengandungi **4** soalan. Calon perlu menjawab **3** soalan. Markah bagi setiap soalan ialah **10 markah**. Jumlah markah maksimum ialah **30 markah**.
Bahagian C:	Mengandungi **4** soalan. Calon perlu menjawab **2** soalan. Markah bagi setiap soalan ialah **10 markah**. Jumlah markah maksimum ialah **20 markah**.

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah pada tahap sederhana. Calon dapat menunjukkan prestasi yang baik bagi soalan-soalan rutin seperti tajuk Fungsi, Fungsi Kuadratik dan Vektor. Calon juga dapat menjawab soalan Sistem Persamaan dengan baik walaupun soalan tersebut adalah soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Calon tidak dapat menjawab dengan baik soalan Fungsi Trigonometri, Pembezaan dan Janjang (soalan KBAT).

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Prestasi calon berada pada tahap baik. Calon memahami soalan yang diberikan, menggunakan rumus, kaedah dan konsep yang betul, serta dapat menyelesaikan masalah dengan langkah kerja yang kemas dan tepat. Langkah kerja yang diberikan adalah tersusun dan sistematik.

Calon mempunyai pengetahuan yang baik dan kemahiran aplikasi dalam mata pelajaran Matematik Tambahan. Jawapan yang diberikan sesuai dengan kehendak soalan dan jawapan akhir untuk setiap soalan adalah tepat. Calon juga dapat menghuraikan maklumat dengan tepat, seterusnya menyelesaikan soalan KBAT (Bukan Rutin) dengan langkah kerja yang lengkap.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Prestasi calon berada pada tahap memuaskan. Calon berjaya menjawab soalan yang memerlukan kemahiran asas tetapi menghadapi masalah untuk menjawab soalan yang memerlukan analisis menyeluruh dan menyelesaikan soalan KBAT (Bukan Rutin).

Calon boleh menjawab soalan aras kesukaran rendah dan sederhana tetapi berhadapan masalah untuk menjawab soalan aras kesukaran tinggi.

Jawapan yang diberikan menunjukkan pemahaman mereka tentang kandungan sukatan pelajaran yang telah dipelajari, tetapi mereka tidak menguasai kemahiran yang lengkap untuk mengaplikasikan konsep tersebut dalam bahagian yang tertentu.

Calon tidak dapat menjawab dengan baik beberapa soalan seperti soalan 2(a), 4, 7(a) dan 7(b).

Sebilangan calon cuai dalam pengiraan mereka terutama dalam manipulasi algebra. Pengiraan yang ditunjukkan kurang tepat dan penggunaan rumus tidak ditunjukkan dengan jelas. Calon juga tidak dapat menganalisis soalan KBAT (Bukan Rutin) dengan baik.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1(a)

Graf fungsi kuadratik $f(x) = x^2 - 2x + 6 - m$ menyilang paksi-x pada titik A dan titik B, dengan keadaan m ialah pemalar.


The graph of quadratic function $f(x) = x^2 - 2x + 6 - m$ *intersects the x-axis at points A and B, such that m is a constant.*

(*a*) Cari julat nilai m.

Find the range of values of m.

Soalan 1(a) menghendaki calon untuk mencari nilai *m* daripada fungsi kuadratik $f(x) = x^2 - 2x + 6 - m$ yang menyilang paksi-*x* pada titik *A* dan titik *B* dengan menggunakan $b^2 - 4ac > 0$, iaitu syarat bagi dua punca nyata dan berbeza.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat menggunakan pembezalayan $b^2 - 4ac > 0$ untuk mencari julat nilai *m* bagi dua punca nyata dan berbeza.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 9 fail PDF
- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2

RM34.90

BELI SET PENUH RM34.90 >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar